

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN  
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA  
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMNIN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931

## Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

*Sekian terima kasih*

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

## HIDUP DALAM SUKU-SUKU

Setiap suku merupakan satu ikatan keluarga, dengan semua anggota atau anak buahnya terikat oleh pertalian darah antara seorang dengan yang lain. Maka setiap orang yang sesuku itu menjalani kehidupan seperti adik-beradik atau anak-beranak. Jika adik-beradik atau anak-beranak itu menjalani kehidupan dengan bantu-membantu, kasih-mengasihi antara satu dengan yang lain seperti yang berlaku antara abang dengan adik, ibu dengan anak, nenek dengan cucu, maka demikian juga halnya dengan mereka yang hidup dalam suku.

Pada dasarnya setiap sesuatu kerja yang hendak dilaksanakan oleh seseorang itu mestilah dilakukan atas nama dan bagi pihak bersama (suku atau keluarga). Sekiranya kerja yang dilakukan itu mendatangkan faedah dan kebajikan maka ia adalah untuk keluarga dikongsi bersama-sama. Demikian juga sekiranya kerja yang dilaksanakan itu mendatangkan kerugian maka kerugian itu pula merugikan mereka bersama. Kerja yang baik mendatangkan kebaikan bersama dan juga sebaliknya akan memberi malu kepada semua.

Adat Perpatih tidak mengizinkan seseorang itu hidup memntingkan diri sendiri. " Kalau gedang (besar) jangan melanda(melanggar), jika cerdik janganlah menipu". Tiada seorang pun boleh memencilkan dan menyingkirkan dirinya daripada suku dan masyarakatnya :-

*Sejak berduka, berkelapa,  
Pandan tidak panjang lagi.  
Sejak bersuku berkepala,  
Badan nan tidak senang lagi.*

Kalau seseorang ada di dalam kesusahan maka wajiblah bagi sukunya mengambil berat menyenangkannya kerana ia adalah kewajipan dan tanggungjawab suku terhadap tiap-tiap anggota atau anak buahnya. Jika seseorang itu mendapat kesenangan maka

sudah tentu kesenangannya itu setidak-tidaknya menyenangkan sukunya kerana ia diperolehi oleh individu itu, pada dasar dan hakikatnya adalah kesenangan bersama. Sekiranya seseorang itu melakukan kesalahan pula, maka adalah kewajiban sukunya mengambil tindakan ke atas diri orang itu kerana setiap kesalahan yang dilakukan semestinya membabitkan suku disebabkan mengikut pandangan Adat Perpatih, segala perbuatan yang dilaksanakan adalah atas nama dan bagi pihak sukunya. Maka itulah yang dikatakan dan diadatkan supaya setiap orang dalam sukunya itu haruslah hidup "Bak telut sesangkar, pecah sebuah pecah semuanya" bermaksud binasa seorang maka binasa semua dalam sukunya.

Begitulah juga mereka hidup berpegangan kata ini, "Sehina, semalu" maksudnya hina seorang maka hina semuanya, alu seorang maka mali semuanya. Mereka yang sesuku juga dikatakan hidup "Schalaman sepermainan, seperigi sepermandian, sejamban seperulangan". Individu-individu yang sesuku adalah sama taraf antara satu sama lain "Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi" hidup bekerjasama antara satu sama lain mesti diutamakan: "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; bukit sama didaki, lurah sama dituuni; Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah". Mereka sentiasa menolong kaumnya yang dalam kesusahan. "Hanyut dipintasi, lulus diselami, hilang dicari".